

56

14183.



	<p style="text-align: center;"><b>SIARAN MEDIA</b> Untuk maklumat lanjut sila hubungi: <b>Bahagian Komunikasi Korporat</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	---

### PUSAT JUALAN KRAF TEMPATAN PERTAMA DI PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 1 OKTOBER 2019** – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, hari ini melancarkan outlet baharu Karyaneka di Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya.

Turut hadir adalah Pengerusi Karyaneka yang juga Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YBhg. Dato' Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, YBrs. Encik Ibrahim bin Ismail, dan Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi Bin Hashim.

Pembukaan outlet di Dataran Putra, Putrajaya merupakan inisiatif Wilayah Peduli Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui PPj dengan kerjasama Karyaneka dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam usaha mempromosi dan memasarkan produk-produk kraf tempatan seluruh negara termasuk hasil kraf komuniti Putrajaya. Di samping itu, ini adalah inisiatif kerajaan bagi membentuk satu komuniti kraf di Putrajaya untuk penghasilan produk-produk kraf dan secara langsung menjana pendapatan warga Putrajaya.

Antara produk-produk kraf adalah seperti Tekstil, Hasil Rimba, Hasil Tanah serta Hasil Logam. Kraf khusus oleh Komuniti Putrajaya hasil daripada Program "Kraf Komuniti Ku Putrajaya" seperti *travel kits*, *pillow neck*, *soft toys*, *t-shirt*, *shawl*, *purse* dan *tote bag* boleh didapati di outlet ini.

Karyaneka Putrajaya yang telah beroperasi sejak 1 April 2019 merupakan pusat jualan kraf tempatan pertama di Putrajaya dan outlet yang ke-12 karyaneka di Malaysia.

Selain daripada outlet fizikal, Karyaneka mempunyai kedai atas talian (online) [www.karyaneka.com.my](http://www.karyaneka.com.my) dan turut menawarkan perkhidmatan kepada badan korporat dan agensi kerajaan secara bersemuka. Selain itu, Segmen Projek Khas menawarkan perkhidmatan hiasan dalaman dan taman kepada hotel-hotel, pejabat, kelab golf dan lain-lain industri.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347, 019-3354346 atau e-mel ke alamat [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my)



**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 September 2019